JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

10 Ogos 2020

1. Samapai hati curi lembu saya
2. Belajar ternakn puyuh, ayam melaui youtube
3. Hotel Raia Terengganu, Me-O bantu kucing jalanan

OLEH:

SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

KERATAN AKHBAR

Tarikh: 10 Ogos 2020

Media Cetak/Elektronik	**Harian Metro**	Catatan:
Ruangan	**Lokal**	
M/Surat	**20**	
Perkara	**Lain lain**	

'Sampai hati curi lembu saya'

Dungun: "Saya percaya pencuri ini bergerak secara berkumpulan," kata Sukari Awang yang mendakwa tujuh lembu peliharaannya hilang dicuri pada Rabu lalu.

Sukari, 55, berkata, dia menyedari kejadian itu selepas pergi ke kandang lembunya di kawasan Taman Murni Perdana, Paka jam 6.45 pagi.

"Saya sangat sedih apabila lima lembu betina dan dua lembu jantan yang berusia antara satu tahun setengah dan tiga tahun hilang.

"Semua lembu saya itu bernilai RM15,000. Sampai hati penyamun itu buat begini kepada saya," katanya ketika ditemui di tempat kejadian semalam.

Menurutnya, dia percaya lembu itu dicuri berdasarkan kesan tayar kenderaan dan turut menemui aksesori kereta yang tertanggal di kawasan kandang terbabit.

Katanya, apa yang dikesalkan apabila kejadian kecurian lembu yang dialaminya itu merupakan kejadian yang ketiga.

"Kejadian pertama berlaku pada Febuari lalu, penjenayah ceroboh kandang saya dan melarikan empat lembu dan seminggu selepas itu seekor lagi dicuri.

"Kecurian yang berlaku ini menyebabkan kira-kira RM30,000 nilai kerugian saya alami," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Dungun, Superintendan Baharudin Abdullah ketika dihubungi mengesahkan ada menerima laporan berhubung dengan kejadian itu.

Menurutnya, pihaknya sedang menjalankan siasatan lanjut dan kes disiasat mengikut Seksyen 379 Kanun Keseksaan.

SUKARI (kanan) menunjukkan kesan pagar kandang yang diceroboh penjenayah yang mencuri lembunya.

KERATAN AKHBAR

Tarikh: 10 Ogos 2020

Media Cetak/Elektronik	**Kosmo**	Catatan:
Ruangan	**Negara**	
M/Surat	**17**	
Perkara	**Usahawan**	

Belajar ternak puyuh, ayam melalui Youtube

HULU TERENGGANU – Seorang pemuda membuktikan kemampuannya sebagai penternak ayam kampung dan burung puyuh walaupun tidak mempunyai asas dan hanya mempelajarinya menerusi laman YouTube.

Muhammad Syarafi Suhaimi, 28, berkata, biar pun tidak mempunyai modal tinggi, dia mampu menjana pendapatan sehingga RM4,000 sebulan hasil ternakan haiwan tersebut sejak tiga tahun lalu.

"Semuanya bermula selepas saya menganggur selama enam bulan setelah menamatkan pengajian dalam Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Projek di Universiti Malaysia Pahang pada 2016.

"Saya berminat dalam bidang ternakan tetapi tidak mampu untuk mengikuti kursus kerana kosnya mahal. Sebagai alternatif, saya belajar ilmu ternakan menerusi YouTube," katanya ketika ditemui di ladangnya di Kampung Tanggol di sini semalam.

Muhammad Syarafi berkata, sepanjang tiga tahun menternak haiwan itu dia banyak menimba ilmu dengan penternak berpengalaman.

Pada masa ini, ladang ternakan Muhammad Syarafi mempunyai 50 induk ayam kampung.

"Saya berhasrat untuk menaik taraf reban bagi menambah bilangan ternakan burung puyuh kepada 1,000 ekor dan 500 ekor ayam dalam masa terdekat," katanya.

Muhammad Syarafi memberitahu, antara cabaran yang dihadapinya sepanjang berkecimpung dalam bidang ternakan itu adalah burung puyuh peliharaannya mati akibat ancaman tikus.

"Pada Februari lalu, purata 10 ekor burung puyuh mati setiap hari sehingga menyebabkan saya terpaksa melelong baki haiwan ternakan tersebut bagi mengelak kerugian.

"Semua cabaran itu tidak mematahkan semangat saya untuk mencapai cita-cita menjadi penternak komersial yang lebih berjaya," katanya.

MUHAMMAD Syarafi (kiri) melihat haiwan ternakannya di Kampung Tanggol, Hulu Terengganu semalam.

KERATAN AKHBAR

Tarikh: 10 Ogos 2020

Media Cetak/Elektronik	**Kosmo**	Catatan:
Ruangan	**Negara**	
M/Surat	**17**	
Perkara	**Kebajikan Haiwan**	

Hotel Raia Terengganu, Me-O bantu kucing jalanan

DUA sukarelawan memberi makanan kepada kucing jalanan di Pasar Batu Enam, Kuala Nerus kelmarin.

KUALA NERUS – Nasib kucing jalanan di sekitar daerah ini mendapat pembelaan apabila haiwan tersebut diberi makan dan rawatan oleh pasukan khas yang ditubuhkan Hotel Raia Terengganu.

Wakil pasukan itu, Tina Surinda Abdul Karim berkata, pihaknya dengan kerjasama syarikat pengeluar produk makanan kucing, Me-O telah turun padang memberi makan kepada kucing-kucing jalanan tersebut.

Inisiatif itu dilakukan sempena Hari Kucing Sedunia yang disambut kelmarin.

"Kita cuba menjejaki kucing-kucing jalanan terutama di kawasan pasar di sekitar daerah ini. Selain memberi makanan kepada haiwan tersebut, kita juga melakukan rawatan segera ke atas kucing yang cedera dengan bantuan pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri.

"Usaha kecil ini bertujuan untuk menjaga kebajikan kucing-kucing jalanan yang tidak mempunyai penjaga sedangkan haiwan itu sebenarnya juga memerlukan perhatian," katanya ketika ditemui di Pasar Batu Enam di sini kelmarin.

Tina Surinda berkata, pihaknya berharap usaha pasukan tersebut dapat menjadi contoh kepada masyarakat bukan sahaja memberi makanan, malah tidak memperlakukan kucing secara ganas.

Beliau yang juga Pengurus Jualan Hotel Raia berkata, pihaknya sedih dan mengecam sikap segelintir individu yang mengasari kucing jalanan sehingga meragut nyawa haiwan kesayangan Nabi Muhammad seperti yang tular baru-baru ini.

Sementara itu, Duta Me-O Terengganu, Wan Mohd. Rizal Wan Mohd. Azlan berkata, pihaknya menyumbang sebanyak 35 kilogram makanan kucing untuk program kebajikan untuk diberikan kepada kucing-kucing jalanan.

"Kami teruja dapat bekerjasama dengan Hotel Raia dalam projek ini dan mengalu-alukan kerjasama dengan mana-mana pihak bagi mengadakan program amal berkaitan kucing pada masa hadapan," katanya.